



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI

17 Oktober 2022
Rabiulawal 1444H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	• Pulau Aman tumpuan kaki Pancing
Berita Harian	•
Harian Metro	• Bobu nager ditangkap, 50kg hasil laut dikemai di perairan Kerian
Kosmo !	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernamea	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		29	17/10/22



Pulau Aman tumpuan kaki pancing

PULAU Aman yang terletak tidak jauh dari Batu Kawan, Pulau Pinang sangat terkenal dengan aktiviti pelancongan dan perikanan.

Malah, dikatakan terdapat lebih 13 chalet penginapan dibina oleh penduduk setempat di pulau itu.

Pulau ini juga menjadi tumpuan kaki pancing

berikutan terdapat banyak sumber ikan di kawasan sekitarnya.

■ PEKERJA sangkar ikan sedang mencuci dan menyelenggara jaring yang digunakan sebagai sangkar ikan, di Pulau Aman, disini semalam.

- UTUSAN/IQBAL HAMDAN

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		12	17/10/22

Bubu naga dirampas, 50 kg hasil laut ditemui di perairan Kerian



TIGA kru ditahan kerana melanggar syarat sah lesen dan tidak memiliki peralatan menangkap ikan sah di perairan Kerian, Parit Buntar, kelmarin.

PARIT BUNTAR – Sebanyak 90 set bubu naga bernilai RM6,300 dirampas Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Kurau kira-kira pukul 12:30 tengah hari kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kurau, Komander Maritim Mohd. Najhan Azman Hamid berkata, semasa rondaan rutin dilakukan anggotanya, sebuah bot telah dikesan dalam keadaan mencurigakan pada kedudukan 6.8 batu nautika barat daya di muara Kuala Kurau di sini.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat tiga kru warga tempatan termasuk tekong berumur antara 19 hingga 31 tahun berada di atas bot.

"Pemeriksaan lanjut mendapati lesen bot adalah sah, namun tidak diusahakan pemiliknya sendiri serta spesifikasi enjin tidak sama seperti yang didaftarkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, menurut Mohd. Najhan, sebanyak 90 set bubu naga bersama 50 kilogram

(kg) hasil laut ditemui ketika pemeriksaan dilakukan ke atas bot tersebut.

"Kesemua kru, bot serta alat kelengkapan tangkapan ikan dan hasil laut telah ditahan dan dibawa balik ke jeti pengkalan Maritim Zon Kuala Kurau.

"Kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 8 (B) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen dan Syeksen 11 (3)(B) akta yang sama kerana memiliki peralatan menangkap ikan tidak dilesenkan," jelasnya.